

# Tiga objektif Dasar Perpaduan Negara

## Strategi jangka panjang pupuk, perkukuh perpaduan rakyat

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahruzki@bh.com.my

**Putrajaya:** Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam melancarkan Dasar Perpaduan Negara yang bersifat inklusif, jelas dan kohesif, demi memastikan Malaysia kekal sebagai sebuah negara yang kukuh teras perpaduannya.

Menggariskan tiga objektif utama, Dasar Perpaduan Negara yang berkonsepkan Perpaduan Dalam Kepelbagaiannya itu menetapkan strategi jangka panjang dalam usaha berterusan untuk memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat.

Tiga objektif utama itu ialah, mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara; membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling hormat menghormati dan bertanggungjawab; serta melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan mengamalkan perpaduan.

“Ia selaras penerimaan rakyat Malaysia bahawa masyarakat negara ini adalah majmuk dan mempunyai pelbagai latar belakang pegangan agama, pengenalan bangsa serta budaya.

“Berikutnya perbezaan dan kepelbagaiannya ini, usaha ke arah menjadikannya perpaduan di negara ini perlu dilengkapi dan dilandasinya usaha integrasi berterusan.

“Dasar Perpaduan Negara su-

dah menetapkan strategi jangka panjang yang menggariskan usaha berterusan untuk memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan rakyat,” katanya ketika melancarkan Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 secara maya di Facebook Kementerian Perpaduan Negara.

Perdana Menteri menegaskan, penggubalan Dasar Perpaduan Negara juga berlandaskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara, selain ia searas dengan dasar utama negara seperti Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030, Rancangan Malaysia Lima Tahun dan dasar lain yang berkait kuasa.

Beliau berkata, untuk mencapai objektif disasarkan, Dasar Perpaduan Negara memerlukan sokongan padu dan kerjasama daripada semua pihak terutama ejen penggerak perpaduan membabitkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta dan pemegang taruh berkaitan.

Katanya, Dasar Perpaduan Negara ini adalah dasar bersama dan semua pihak adalah ejen perpaduan negara dalam membawa aspirasi ini ke hadapan.

“Marilah kita menggerakkan seluruh kekuatan dan kudrat kita untuk terus menyebarkan semangat perpaduan dalam keadaan amat mencabar pada masa ini,” katanya.

Pada masa sama, Muhyiddin berkata, perpaduan menjadi hasrat semua negara di dunia, manakala Malaysia sebagai negara berbilang etnik, agama dan budaya, sering dijadikan contoh rujukan sebagai negara yang bersatu padu.

Beliau berkata, walaupun ada ketika wujud perbezaan, perselisihan dan konflik, tetapi kesepadan sosial yang wujud sekian lama dalam masyarakat di negara ini mengekalkan perpaduan rakyat sehingga kini.

“Rakyat Malaysia sejak sekian lama berpegang kepada Rukun Negara... tidak kiralah sama ada Melayu, Cina, India, Kadazan, Dusun, Iban, Murut, Melanau, orang asal atau mana-mana etnik sekalipun, bergelar warganegara Malaysia, maka inilah ciri-ciri yang wajib kita hayati,” katanya.

Muhyiddin berkata, situasi itu membuatkan negara lain ingin belajar daripada pengalaman Malaysia.

Katanya, perpaduan antara rakyat juga jelas dilihat ketika negara dilanda cabaran dan musibah termasuk ketika berdepan gelombang penularan COVID-19 pada masa ini apabila semangat perpaduan ditunjukkan seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum dan agama.

“Berdepan penularan COVID-19, rakyat bersama-sama bersatu membantu kerajaan menyebarkan mesej yang positif, menyokong usaha Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan mematuhi semua prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan, sekali gus mencerminkan jiwa patriotik rakyat yang bersatu hati berjuang memerangi musuh tidak kelihatan,” katanya.

Perdana Menteri berkata, Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 dihasilkan bagi menyokong strategi serta menetapkan aspirasi perpaduan yang ingin dicapai dalam tempoh 10 tahun akan datang.

“Saya juga suka menekankan bahawa usaha mencapai perpaduan adalah suatu perjalanan yang jauh dan berliku.

“Justeru, kita semua mesti sentiasa membetulkan niat dan memperkasa usaha bersama untuk memastikan Malaysia kekal sebagai sebuah negara yang kukuh teras perpaduannya, bukan sahaja untuk generasi masa kini, tetapi demi masa depan anak cucu kita kelak,” katanya.